

lain), (manusia hanya mendapat apa yang telah diusahakannya), (Sesiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya. dan sesiapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya juga), (supaya tiap-tiap diri dibalas dengan apa yang ia usahakan). Petunjuk as-Sunnah pula ialah pertanyaan Rasulullah s.a.w. kepada seorang lelaki. Tanya Baginda: “Ini anak kamukah?” Jawab orang itu: “Ya.” Terus Baginda s.a.w. bersabda: “Kamu tidak menanggung dosa yang dilakukannya dan dia pula tidak menanggung dosa yang dilakukan olehmu.” Rasulullah s.a.w. memberitahu seperti yang diberitahu oleh Allah bahawa jenayah yang dilakukan oleh seseorang, ditanggungnya sendiri, bukan oleh orang lain. Sebagaimana pahala bagi amalannya, dialah yang dapat, bukan orang lain yang dapat.” Antara sahabat yang sependapat dengan `Aaishah dalam masalah ini ialah Abu Hurairah. Pendapat ini mengguna pakai qaedah tarjih dan ta’wil. (2) Perkataan ب بكاء pada ما بى dipakai dengan ma`na حال (ketika; pada masa; dalam keadaan dan sebagainya). Jadi ma`na hadits ini ialah: إن الميت ليعذب حال بقاء أهله عليه Bermaksud: Sesungguhnya si mati disiksa ketika ahli keluarganya menangisinya. Dengan itu tangisan ahli keluarganya tidak lagi menjadi sebab kepada ia disiksa. Pendapat ini mengguna pakai qaedah ta’wil. Ia berdalilkan satu hadits daripada `Aaishah. (3) Hadits إن الميت ليعذب بقاء أهله عليه Khusus untuk orang-orang kafir. Ia tidak ada kena mengena dengan orang-orang Islam. Orang mu’min langsung tidak terseksa kerana dosa yang orang lain lakukan. Antara alasanya ialah hadits riwayat Ibnu `Abbaas daripada `Aaishah, kata رحم الله عمر والله ما حدث النبي صلى الله عليه وسلم إن الله ليعذب المؤمن Bermaksud: “Semoga Allah merahmati `Umar. Demi Allah! Nabi s.a.w. tidak bersabda (bermaksud): Sesungguhnya Allah menyiksa orang mu’min dengan sebab ahli keluarganya menangisinya. Tetapi Baginda bersabda (bermaksud): Sesungguhnya Allah menambahkan seksaan kepada orang kafir (yang telah mati) dengan sebab ahli keluarganya menangisinya. (Hadits riwayat Bukhari). Pendapat ini juga mengguna pakai qaedah ta’wil dan ia juga bersandarkan riwayat `Aaishah. Ta’wilan seperti ini dilakukan kerana hadits `Umar dan Ibnu `Umar mempunyai banyak saluran riwayatnya dan kuat pula daripada segi sanadnya. (4) Saiyyidina `Umar dan anaknya Ibnu `Umar r.a. memakai hadits ini dengan ma`na zahirnya. Imam Bukhari meriwayatkan: فَلَمَّا أُصِيبَ عُمَرُ دَخَلَ صُحَيْبٌ يَبْكِي يَقُولُ: يَا صُحَيْبُ أَتَبْكِي عَلَيَّ وَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْمَيِّتَ يُعَذَّبُ بِبَعْضِ أَخَاهُ وَاصْحَابُهُ فَقَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَا صُحَيْبُ أَتَبْكِي عَلَيَّ... Bila `Umar kena tikam, Shuhaib masuk menemui beliau sambil menangis dan berkata: “Aduhai saudaraku! Aduhai sahabatku! Mendengar kata-kata Shuhaib itu, `Umar terus menegurnya dengan berkata: “Wahai Shuhaib! Adakah engkau menangisiku? Padahal Rasulullah s.a.w. telah bersabda: “Sesungguhnya orang (yang hampir) mati terseksa dengan sebab sesetengah tangisan ahli keluarganya terhadapnya....” `Abdur Razzaaq di dalam Mushannafnya meriwayatkan bahawa Ibnu `Umar pernah menghadhiri jenazah Raafi` bin Khadij. Beliau berkata kepada ahli keluarganya: إن رافعا شيخ كبير لا طاقة له بالعذاب وإن الميت يعذب ببقاء أهله عليه Bermaksud: Sesungguhnya Raafi` seorang yang sangat tua. Dia tidak mampu menanggung azab, sedangkan si mati terseksa oleh tangisan ahli keluarganya terhadapnya. (5) Imam Bukhari berpendapat, hadits Ibnu `Umar itu khusus untuk orang yang mengamalkan adat dan budaya meratapi orang mati. Orang-orang yang tidak mengamalkan adat dan budaya itu tidak akan terseksa dengan sebab tangisan ahli keluarganya. Mereka bahkan termasuk dalam firman Allah yang menjadi pegangan `Aaishah, وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى (Seseorang manusia tidak memikul dosa orang lain). Itulah sebabnya beliau membuat tajuk bab begini di dalam Sahihnya: بَابُ قَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى

الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَذَّبُ بِبَعْضِ بَكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ إِذَا كَانَ النَّوْحُ مِنْ سُنَّتِهِ (Bab Sabda Nabi s.a.w.: Orang Mati Disiksa Kerana Sesetengah Tangisan Ahli Keluarganya Terhadapnya, Jika Ratapan Menjadi Budayanya). Demikianlah ta'wilan Imam Bukhari terhadap hadits Ibnu 'Umar di atas. (6) Kata Hafiz Ibnu Hajar, menurut Daud az-Zahiri, Ibnu al-Muraabith dan sekumpulan 'ulama', orang yang hidup dalam masyarakat yang membudayakan ratapan kepada si mati wajib berpesan atau berwasiat agar kematiannya tidak diratapi. Kalau dia tidak berwasiat, niscaya dia akan disiksa kerana meninggalkan wasiat yang wajib ke atasnya. Dengan itu, dia sebenarnya disiksa kerana perbuatannya sendiri bukan kerana perbuatan orang lain. (7) Menurut Ibnu Hazam dan sekumpulan 'ulama' yang sependapat dengannya, si mati disiksa kerana diratapi dengan sifat-sifat yang dianggap baik dan terpuji oleh masyarakat. Padahal sifat-sifat itu sebenarnya adalah sifat-sifat jahat dan keji menurut Syara'. Sebagai contohnya orang-orang jahiliah sering meratapi si mati dengan berkata: يا مرمل النسوان (Wahai orang yang membuatkan orang-orang perempuan menjadi janda!) يا مخرّب (Wahai orang yang membuatkan anak-anak menjadi yatim!) يا متيم الأولاد (Wahai orang yang merobohkan rumah-rumah!). Pendek kata amalan-amalan jahat yang dilakukan olehnya dibilang dan disebut-sebut sebagai amalan kebbaikannya. Si mati yang zalim seperti ini akan disiksa kerana kezalimannya sendiri semasa hidup di dunia dahulu. (8) Orang mati yang dikatakan disiksa seperti tersebut di dalam hadits Ibnu 'Umar itu ialah yang diratapi dengan menyebut-nyebut kelebihanannya. Padahal ia tidak mempunyai apa-apa kelebihan pun. Semua kebaikan yang dilakukannya semasa hidup dahulu hanyalah lakonan untuk mengelabui mata orang ramai. Semuanya dilakukan tanpa ikhlas. Misalnya dikatakan عضداه (Aduhai lenganku!), وا ناصراه (Aduhai penolongku!), وا كاسياه (Aduhai orang yang memakaikan pakaian kepadaku!) dan sebagainya. Setiap kali ia dipuji dengan pelbagai pujian, para malaikat mengherdiknya dengan berkata: Benarkah kamu begitu? Betulkah kamu begitu? **Antara dalil golongan yang berpendapat** begini ialah (a) Hadits riwayat Abu Musa al-Asy'ari r.a, katanya: رَأَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ بِبُكَاءِ الْحَيِّ عَلَيْهِ إِذَا قَالَتْ النَّائِحَةُ وَاعْضُدَاهُ أُنْ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ بِبُكَاءِ الْحَيِّ عَلَيْهِ إِذَا قَالَتْ النَّائِحَةُ وَاعْضُدَاهُ Bermaksud: Si mati disiksa ketika orang hidup menangisinya. Apabila perempuan yang meratap berkata: “Aduhai lenganku!”, “Aduhai penolongku!”, “Aduhai orang yang mencari rezeki untukku!”, terus ia disentak (oleh malaikat) dan dikatakan kepadanya: “Engkau lengannya?!”, “Engkau penolongnya?!”, “Engkau orang yang mencari rezeki untuknya?!”. (Hadits riwayat Ahmad dan al-Haakim). (b) Di dalam riwayat Ibnu Majah pula lafaz riwayat Abu Musa al-Asy'ari adalah begini: رَأَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ بِبُكَاءِ الْحَيِّ إِذَا قَالُوا وَاعْضُدَاهُ وَكَاسِيَاهُ وَانَاصِرَاهُ وَجَبَلَاهُ وَنَحْوُ هَذَا يُتَغَنَّعُ وَيُقَالُ أَنْتَ كَذَلِكَ أَنْتَ كَذَلِكَ Bermaksud: Si mati disiksa kerana tangisan orang hidup. Apabila mereka berkata (sebagai ratapan): “Aduhai lenganku!”, “Aduhai orang yang memakaikan pakaian kepadaku!”, “Aduhai penolongku!”, “Aduhai gunungku!” dan ucapan-ucapan seumpamanya, ia dicemuhi dan dikatakan (oleh malaikat) kepadanya: “Engkau begitukah?!”, “Engkau begitukah?”. Di dalam riwayat at-Tirmizi lafaz yang dikatakan kepada si mati ialah: أَنْتَ أَهَكَذَا Bermaksud: “Begini (sungguh)kah engkau?” (c) Di dalam riwayat Tirmizi yang lain, juga daripada Abu Musa al-Asy'ari dilaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: مَا مِنْ مَيِّتٍ يَمُوتُ فَيَقُومُ بِأَكْبِيهِ فَيَقُولُ وَاجْبَلَاهُ وَانَاصِرَاهُ أَوْ نَحْوُ ذَلِكَ إِلَّا وَكَّلَ بِهِ مَلَكَانِ يُلْهَزَانِهِ أَهَكَذَا كُنْتَ Bermaksud: Tiada seorang pun yang mati lalu bangkit orang yang menangisinya (meratapinya) sambil berkata: “Aduhai gunungku!”, “Aduhai tuanku!” dan seumpamanya, melainkan diutuskanlah kepadanya dua malaikat yang menumbuk di dadanya sambil berkata: “Beginikah engkau dahulu?!” (d) Imam Bukhari dengan sanadnya meriwayatkan

daripada Nu'man bin Basyir, katanya: كَذَا وَجَبَلَهُ وَجَبَلَهُ وَجَبَلَهُ Bermaksud: Pernah 'Abdullah bin Rawaahah jatuh pengsan. Beliau ditangisi saudara perempuannya, 'Amrah sambil berkata: "Aduhai gunungku!", "Aduhai sekian!", "Aduhai sekian!". Macam-macamlah dibilangnya. Setelah sedar dari pengsanannya 'Abdullah berkata: "Tidak engkau katakan sesuatu melainkan dikatakan kepadaku: 'Sungguhkah engkau begitu?'. Dengan isnad yang lain, juga daripada Nu'man bin Basyir, Imam Bukhari menambahkan cerita tadi seterusnya: فَلَمَّا مَاتَ لَمْ تَبْكْ عَلَيْهِ Bermaksud: "Bila 'Abdullah bin Rawaahah meninggal dunia, saudara perempuannya itu tidak lagi menangisinya." Pendapat ini juga mengguna pakai qaedah ta'wil. (9) Al-Kirmaani mengemukakan satu pandangan untuk menyelesaikan pertentangan di antara hadits di atas dengan firman Allah: وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى (Seseorang manusia tidak memikul dosa orang lain) dan lain-lain dalil seumpamanya. Kata beliau, seksaan yang dialami si mati seperti tersebut di dalam hadits Ibnu 'Umar itu berlaku sama ada pada ketika seseorang hampir mati atau ketika di alam Barzakh. Sementara firman Allah tersebut itu pula berlaku di akhirat selepas alam Barzakh. Tidak semestinya si mati yang diseksa itu menjadi sebab kepada ratapan orang-orang yang hidup terhadapnya. Mungkin ia langsung tidak ada kena mengena dengan orang-orang yang menangisinya. Alangkah ramainya orang yang tidak bersalah menanggung hukuman di dunia ini dek kesalahan dan jenayah yang dilakukan oleh orang lain! Itulah maksud firman Allah:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Bermaksud: dan jagalah dirimu daripada seksaan yang tidak khusus menimpa orang-orang yang zalim saja di antara kamu. dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksaanNya. (al-Anfaal:25). Selain mengguna pakai qaedah ta'wil, pendapat ini cuba menjama' dan mentaufiqkan hadits di atas dengan firman Allah: وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى (Seseorang manusia tidak memikul dosa orang lain) dan lain-lain dalil yang kelihatan bertentangan dengannya.

(10) Maksud hadits: إن الميت ليعذب ببكاء أهله عليه (si mati terseksa kerana tangisan ahli keluarganya terhadapnya) ialah orang yang hendak (hampir) mati sedih, susah hati dan terseksa jiwanya dengan sesetengah bentuk tangisan ahli keluarganya. Sebagaimana orang yang hampir mati kadang-kadang gembira dengan kejayaan dan amal saleh ahli keluarganya, begitulah juga ia sedih dengan kegagalan dan amalan-amalan jahat ahli keluarganya. Termasuklah antara amalan dan perbuatan yang menyeksanya dan menyedihkannya ia apabila ahli keluarganya menangisinya dengan cara yang melampau-lampau ketika ia berada di ambang pintu maut. Antara bukti bukan semua bentuk tangisan menyeksa dan menyedihkan orang yang hampir mati ialah kata-kata Saiyyidina 'Umar yang tersebut pada nombor (4) tadi. Pendapat ini mengguna pakai qaedah ta'wil. (11) Hadits 'Umar, Ibnu 'Umar dan lain-lain sahabat yang menyebutkan "Si mati terseksa kerana tangisan ahli keluarganya terhadapnya" itu khusus dengan si mati yang berwasiat supaya ia ditangisi dan diratapi selepas kematiannya. Ia bukan umum untuk semua orang mati yang ditangisi atau diratapi. Si mati yang berwasiat begitu diseksa kerana perbuatan dan dosanya sendiri bukan kerana perbuatan dan dosa orang lain. Oleh itu ia sama sekali tidak bertentangan dengan firman Allah yang bermaksud: "Seseorang manusia tidak memikul dosa orang lain." Inilah pendapat jumhur 'uulma' dalam masalah ini. Sebenarnya di dalam masyarakat Jahiliah 'Arab dahulu budaya berwasiat supaya ditangisi dan diratapi memang meluas. Sebagai contohnya lihat saja sya'ir Tharafah bin al-'Abd berikut:

Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya ia (orang mati) diseksa kerana kesalahan dan dosanya. Sedang ahli keluarganya (pula) menangisnya.” Kata `Aaishah (lagi): “Keadaannya sama seperti katanya (Ibnu `Umar) ketika Baginda berdiri di tepi telaga buruk yang dilontarkan ke dalamnya orang-orang musyrikin yang terbunuh di Badar. Rasulullah s.a.w. berkata kepada mereka apa yang telah dikatanya, bahawa mereka benar-benar mendengar apa yang sedang aku katakan.” Sesungguhnya Nabi s.a.w. maksudkan dengan kata-katanya itu bahawa mereka sekarang benar-benar mengetahui apa yang pernah aku katakan dahulu adalah betul.” Kemudian beliau (`Aaishah) membaca (firman Allah di dalam surah an-Naml:80 yang bermaksud): *Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati itu mendengar.* (dan firman Allah di dalam Surah Fathir:22 yang bermaksud): *dan (engkau wahai Muhammad) tidak dapat*

فَإِنْ مِتُّ فَأَنْعِثْنِي بِمَا أَنَا أَهْلُهُ ۖ وَشَقِيَّ عَلَيَّ الْجَيْبُ يَا ابْنَةَ مَعْبَدٍ

Bermaksud: Andainya aku mati, ratapilah aku dengan ratapan yang layak denganku. Koyaklah kolar bajumu keranaku wahai anak perempuan Ma'bad.

Pendapat ini juga mengguna pakai qaedah ta'wil. **Berkenaan dengan menangis semata-mata** - *nota 24* tanpa meraung dan ada unsur-unsur ratapan kerana kematian seseorang, itu adalah suatu yang harus dengan kesepakatan para 'ualma'. Banyak sekali terdapat dalil-dalil berupa hadits yang menunjukkan keharusannya. Antaranya ialah: (1) Hadits Anas ini: *أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَى جَعْفَرًا* Bermaksud: “Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah memberitahu tentang kesyahidan Ja'far dan Zaid sebelum sampai berita kematian mereka, dalam keadaan meleleh air mata dari kedua mata Baginda s.a.w.” (Hadits riwayat al-Bukhari). (2) Hadits Ibnu `Umar, katanya: *اشْتَكَى سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ شَكْوَى لَهُ فَأَتَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُهُ مَعَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ وَسَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ فَلَمَّا دَخَلَ عَلَيْهِ فَوَجَدَهُ فِي غَائِثِيَةِ أَهْلِهِ فَقَالَ قَدْ قَضَى قَالُوا لَا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَبَكَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا رَأَى الْقَوْمَ بُكَاءَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَكَوْا فَقَالَ أَلَا تَسْمَعُونَ إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَذِّبُ بِدَمْعِ الْعَيْنِ وَلَا بِخُزْنِ الْقَلْبِ وَلَكِنْ يُعَذِّبُ بِهِذَا وَأَشَارَ إِلَى لِسَانِهِ أَوْ يَرْحَمُ وَإِنَّ الْمَيِّتَ يُعَذِّبُ بِبُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ* Bermaksud: Pernah Sa'ad bin `Ubaadah sakit. Rasulullah s.a.w. pergi menziarahinya bersama-sama dengan `Abdur Rahman bin `Auf, Sa'ad bin Abi Waqqaash dan `Abdullah bin Mas'ud r.a. Apabila masuk ke rumahnya, Nabi s.a.w. mendapati beliau dikerumuni ahli keluarganya. Terus Baginda s.a.w. bertanya: “Dia sudah mati?” Jawab mereka: “Tidak, wahai Rasulullah!” Maka menangislah Rasulullah s.a.w. Apabila orang ramai melihat Nabi s.a.w. menangis, mereka turut menangis. Lalu Baginda s.a.w. berkata: “Tak dengarkah? Sesungguhnya Allah tidak menyiksa dengan sebab keluar air mata. Tidak juga Dia menyiksa dengan sebab kesedihan hati. Tetapi Dia menyiksa dengan sebab ini. Sambil Baginda s.a.w. mengisyaratkan kepada lidahnya atau Dia mengasihani (dengan sebabnya). Sesungguhnya si mati diseksa kerana tangisan ahli keluarganya terhadapnya.” (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim). Hadits ini jelas menunjukkan bukan semua bentuk tangisan terlarang dan menyebabkan si mati terseksa. Yang terlarang dan menyebabkan si mati terseksa hanyalah tangisan yang disertai ratapan atau lolongan dan raungan yang melampau-lampau.